

Jenis Akhbar : Utusan Online
Tarikh : 12/03/2025
Edisi / Muka Surat : <https://www.utusan.com.my>
Tajuk : Guna SpEKAR Elak Penjawat Awam Terperangkap Hutang

Guna SpEKAR elak penjawat awam terperangkap hutang



LIPIS: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad ([Angkasa](#)) bersedia menawarkan Sistem Pelaporan Kredit Angkasa (SpEKAR) kepada kerajaan bagi memastikan permohonan pinjaman penjawat awam mempunyai tahap kredit yang sihat dan mengelakkan mereka daripada terbeban hutang berlebihan serta bertindih.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, SpEKAR menjadi pusat sehati bagi menilai keupayaan kewangan peminjam terutama penjawat awam yang menggunakan Sistem Potongan Gaji Angkasa (SPGA).

Katanya, sistem ini bukan sahaja mengumpul data peminjam daripada koperasi, bank dan institusi kewangan lain, tetapi dapat mengesan mereka yang sudah mencapai had potongan gaji maksimum 60 peratus seperti ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

“Kami lihat masalah keberhutangan serius dalam kalangan penjawat awam, dengan hampir 10,000 hingga 15,000 orang diisytiharkan mufliis setiap tahun. SpEKAR boleh menjadi mekanisme kawalan awal bagi mengelakkan lebih ramai penjawat awam terjerumus dalam situasi yang sama,” katanya kepada pemberita di Kampung Masjid Lubuk Kulit di sini, semalam.

Abdul Fattah berkata, sistem SpeKAR boleh menjadi pusat sehati bagi menguruskan potongan gaji secara bersepadu, memastikan peminjam tidak terjebak dalam pinjaman bertindih atau berurusan dengan pemberi pinjaman tidak berlesen seperti ahlong.

Katanya, sistem ini bukan sahaja mengawal kelulusan pinjaman secara lebih sistematik, tetapi dapat membantu memastikan penjawat awam tidak terbeban dengan hutang melebihi kemampuan mereka.